Peniaga Myanmar sorok minyak peket

KUALA LUMPUR – Tindakan seorang peniaga warga Myanmar menyembunyikan minyak masak peket bersubsidi dalam ruangan stor sampah di Pusat Bandar Utara, Pasar Borong Kuala Lumpur, di sini memakan diri selepas digempur penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Rabu.

DBKL dalam kenyataan di Facebook berkata, pelbagai jenis minyak peket dikesan disimpan di dalam ruangan stor sampah terbabit adalah antara barangan yang disita dalam operasi Tindakan Khas Penjaja Warga Asing di sekitar ibu negara.

"Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan tegas dilakukan terhadap premis dan aktiviti perniagaan borong sayur-sayuran, buah-buahan dan barangan runcit sekitar kawasan pasar borong.

"Premis-premis perniagaan yang menggajikan warga asing tanpa kebenaran dan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen terutamanya oleh warga Myanmar," ujarnya.

Jelasnya, sebanyak dua buah premis dikenakan tindakan kompaun di bawah Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Seterusnya, sebanyak 17 tindakan sita/pindah barangan perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

"Kesemua barangan yang disita dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL, Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

"Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa," katanya.

PENGUAT kuasa DBKL menjumpai minyak masak peket disorok dalam stor sampah di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Rabu lalu.